

PRODUCT DISCLOSURE SHEET



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Insurans Pemain Golf anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna: anda juga patut membacanya.

Date: 01/01/2026

1. Apakah Insurans Pemain Golf?

Insurans Pemain Golf memberi pampasan bagi kehilangan atau kerosakan kepada peralatan golf. Ia juga melindungi anda dengan perlindungan Kemalangan Diri, liabiliti di bawah undang-undang kerana kecederaan badan atau kerosakan harta benda kepada pihak ketiga, dan pukulan terus ke lubang semasa anda bermain golf di kelab golf atau padang golf di mana-mana tempat lain di dunia kecuali USA/Kanada.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium RM 220.00 (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) setiap tahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Polisi/sijil in meliputi :	Polisi/sijil in thidak termasuk :
<ul style="list-style-type: none">• Kematian akibat Kemalangan- RM40,000• Ketidakupayaan Kekal - RM40,000• Tanggungan Awam- RM500,000• Kehilangan Atau Kerosakan Kepada Peralatan Golf - RM6,000• Kehilangan Atau Kerosakan Kepada Harta Benda Peribadi - RM2,000• Pukulan Terus Ke Lubang- RM1,500	<ul style="list-style-type: none">• Haus dan lusuh atau susut nilai• Peperangan atau risiko yang seumpamanya• Peraturan atau Akta Kerajaan atau Pihak Berkuasa• Bunuh diri, kecederaan yang disengajakan• Kehilangan atau kerosakan jam tangan, barang kemas, kaca cermin, kamera, radio mudah alih, sekuriti, setem, kenderaan bermotor dan barang-barang aksesori• Tindakan Pengganas

Tempoh perlindungan insurans adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi/sijil anda setiap tahun.

Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Pemain Golf anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-800-88-MSIG (6744)
atau 603-2050-8228



Kunjungi kami di:
<https://www.msig.com.my/>



Email kami di:
myMSIG@my.msig-asia.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Insurans Pemain Golf, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan Standard (Pelan 2)	: RM220.00 (setiap tahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	: RM10.00
Komisen (25%)	: RM55.00 (Termasuk dalam premium)
Cukai Perkhidmatan (8%)	: RM17.60
Jumlah premium yang perlu dibayar	: RM247.60

4. Syarat dan Terma Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan/cadangan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti anda, aktiviti peribadi dan Sejarah perubatan.
- Kelayakan - Anda mestilah seorang Warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas atau bekerja secara sah atau menetap di Malaysia. Berumur antara 18 hingga 70 tahun pada tarikh permohonan.
- Umur pembaharuan - Polisi ini boleh diperbaharui sehingga umur 70 tahun.
- Fasal Bidang Kuasa - Untuk Tanggungan Awam, indemniti yang disediakan hanya tertakluk kepada perintah yang diperolehi daripada penguatkuasaan penghakiman dalam Republik Singapura, Malaysia atau Brunei Darulssalam.
- Notis Tuntutan - Anda mesti memaklumkan dan memberikan butiran tuntutan sepenuhnya kepada kami dalam tempoh 7 hari selepas mengalami sebarang kemalangan, kehilangan atau kerosakan.

Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi/sijil anda bila-bila masa dengan memaklumkan kami secara bertulis. Kami akan membayar balik premium anda pada asas pro-rata bagi tempoh perlindungan yang belum tamat dan tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM60.00. Jika anda telah membuat tuntutan, tiada bayaran balik akan diberikan.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.